

Pakaian khas bantu singkir selulit

Oleh Nor Affizar Ibrahim

SELULIT boleh menyebabkan penampilan seseorang itu tampak hodoh kerana ia kelihatan menggeleber. Lebih malang lagi, selulit sukar hilang walaupun anda berdiet dan melakukan senaman kerana kedudukannya yang terperangkap antara kulit luar (dermis) dengan lemak (tisu bawah kulit).

Apa yang pasti, selulit bukan saja masalah yang dihadapi wanita, tetapi juga lelaki malah, ia juga boleh berlaku pada sesiapa saja sama ada individu itu mengalami masalah obesiti, kurus mahupun memiliki berat badan normal.

Selulit yang juga dikenali sebagai 'kulit oren' yang dilapah biasanya boleh didapati pada bahagian tertentu anggota badan seperti pada bahagian belakang paha, betis, punggung dan bahagian lengan.


Kemunculan selulit lazimnya disebabkan penyimpanan lebihan lemak di dalam sel badan menjadi tidak seimbang. Keadaan menjadi lebih teruk apabila ada pengumpulan toksin dan sebatian seperti gula, lipid dan protein.

Selain pemakanan, seluar dalam yang terlalu ketat dan memakai kasut terlalu tinggi juga dikatakan penyebab selulit mudah terkumpul khususnya, pada bahagian belakang kaki, perut dan pinggang.

Bagaimanapun, semakin meningkat usia selulit semakin sukar dilihat apabila kulit kehilangan keanjalannya dan bahagian kulit semakin luas. Tetapi apa yang paling merisaukan, semakin lama selulit dibiarkan ia boleh mendatangkan masalah.

Lazimnya, lemak yang mengandungi sel badan boleh dibuang dengan cara melakukan senaman atau menjaga pemakanan, tetapi menghilangkan selulit melalui kaedah itu tidak memberi sebarang kesan kecuali anda melakukan urutan kerap dan menggunakan bantuan bahan rawatan produk memecah selulit yang banyak terdapat di pasaran.

Selain itu, perkembangan teknologi kini membolehkan penjagaan kulit wajah dan tubuh dilakukan dengan pelbagai peralatan canggih yang dicipta.



PRODUK KECANTIKAN: Sut lekap Texenergy yang didatangkan dalam seluar pendek melebihi pinggang dan sampai ke lutut membantu melangsingkan badan.

Kaedah itu tentu lebih disenangi kerana ia tidak perlu melakukan pembedahan selain dikatakan berupaya membantu menyelesaikan kulit bermasalah dan kegemukan.

Terkini, pakaian hypoalergenik yang menampilkan sut lekap diperbuat daripada gentian kain texenergy di Itali diperkenalkan.

Teknologi diketengahkan pada sut lekap Texenergy yang didatangkan dalam seluar pendek melebihi pinggang dan sampai ke lutut itu dikatakan membantu melangsingkan badan serta kesan antiselulit.

Kajian oleh Pakar Alergologi dan Dermatologi, Dr Marisa Mosca dan Pakar Parfarmakologi, Dr Cludia Rona dari Itali menunjukkan pakaian hypoalergenik menggunakan fungsi metalloterapi membawa beberapa kebaikan mengha-

puskan lebihan lemak.

Metalloterapi ialah sejenis terapi purba yang meletakkan logam pada bahagian tertentu badan dan digunakan secara tradisional untuk tujuan penyembuhan.

Melalui kaedah sains perubatan moden, tembaga, zink dan silikon dijalin dengan mikro serat pada sut lekap berkenaan bagi memberi kesan menakjubkan dalam tempoh tertentu. Gabungan serat itu mencipta satu arus elektrik yang kecil dan merangsang mikro edaran dalam urat serta membantu untuk menghapuskan lebihan lemak.

Sementara, tembaga dan zink membangkitkan stimulasi untuk memulihkan edaran dan membantu membuang terkumpul cecair dan lemak. Tembaga yang juga pengalir

haba baik merangsang satu mikro semasa pada kain, tidak terkecuali silikon yang dikatakan melindungi kulit. Selain ketebalan kulit, kekenyalan dan suhu kulit antara yang diukur sepanjang kajian.

Dalam tempoh empat dan lapan minggu memakai sut lekap kajian membuktikan, ada perubahan positif, khususnya kesan pelangsingan dan mengurangkan selulit.

lekap Texenergy kini boleh didapati di Malaysia melalui Panmedic Sdn Bhd di Kuala Lumpur. Produk lain yang diketengahkan ialah seluar pendek boxer bersama tali pinggang Lumbar untuk lelaki dan pendakap lutut bagi mengurangkan ketegangan otot serta penutup bahu bersama penyokong belakang. Untuk keterangan lanjut hubungi 03-79810970.